

Perkasa sukan rakyat, kebudayaan - Ismail Sabri

UM - 22/11/2021 ml/s: 3

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
utusannews@mediamulia.com.my

BERA: Permainan sukan rakyat dan kebudayaan yang semakin dilupakan perlu diperkasa bagi memartabatkan seni budaya dan warisan negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, program kebudayaan dan sukan rakyat perlu diadakan di setiap daerah dengan lebih kerap dan berterusan sekali gus boleh menarik pengunjung bukan sahaja dari dalam negara malah memabitkan pelancong asing.

“Di Bera sebagai contoh terdapat Dataran Kerayong yang mana kalau boleh diadakan setiap minggu (sukan rakyat dan persembahan kebudayaan), saya yakin ramai orang akan tengok dan pelancong yang datang ke Bera boleh terlibat sama, boleh melihat permainan rakyat.

“Dalam masa yang sama perlu ada pertunjukan tetap kebudayaan setiap minggu, jadi orang tahu ada program itu,” katanya pada program komuniti Keluarga Malaysia Hogoh Bera 2021 di Dewan Utama Felda Kumai, di sini semalam.



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) melancarkan Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) di Dewan Orang Ramai Kampung Durian Tawar, Bera, Pahang, semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Ismail Sabri berkata, langkah itu signifikan dalam usaha berterusan mempromosikan produk budaya seni tempatan kepada masyarakat luar.

Beliau berkata, usaha itu perlu dilaksanakan berterusan oleh pelbagai pihak dan tidak terhad dalam majlis-majlis rasmi sahaja.

“Saya harap Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

bekerjasama dengan kerajaan negeri dan majlis daerah agar seni dan budaya dapat dipertontonkan,” ujarnya.

Sementara itu, bercakap mengenai liputan internet 4G, Perdana Menteri berkata, kerajaan menyasarkan seluruh kawasan di negara ini termasuk luar bandar dan pedalaman memperoleh liputan internet 4G sepenuhnya

pada 2025.

Pada ketika ini, katanya, kira-kira 94 peratus kawasan di seluruh negara mendapat liputan internet 4G.

“Usaha ke arahnya sedang giat dilakukan bagi mempercepat peningkatan tahap liputan, mengambil kira kepentingan dan keperluannya yang semakin meningkat,” katanya.